

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MINDA

KORONAVIRUS BAHARU

Tahniah buat KKM



Mohd Zaini Othman



Petugas kesihatan sudah mempunyai kesiapsiagaan yang tinggi untuk mendepani koronavirus kerana ini bukanlah kali pertama wabak yang melanda dunia kita hadapi dan uruskan kes positif yang dikesan di dalam negara

eluruh dunia kini dalam langkah kesiapsiagaan tertinggi untuk menghadapi penularan koronavirus baharu (2019-nCoV) selari dengan pengumuman yang dibuat Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) yang mengisytiharkan darurat kesihatan awam berikutan keblimbangan dunia terhadap jangkitan koronavirus baharu.

Menurut WHO sebab utama pengisytiharan ini bukan kerana situasi di China, tetapi kerana negara lain ada potensi tinggi untuk virus itu merebak ke negara yang mempunyai sistem kesihatan yang lemah dan tidak bersedia menghadapinya.

Pujian yang tinggi dan sokongan yang kuat perlu kita berikan kepada pasukan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya pasukan petugas barisan hadapan yang membuat persiapan terbaik menghadapi virus ini sejak ia mula dikesan di Wuhan, China pada 31 Disember 2019.

Perkembangan terkini di China menyaksikan angka korban sudah meningkat kepada 304 orang dengan lebih 14,000 kes jangkitan disahkan dengan di Malaysia lapan kes positif virus ini disahkan.

Dalam menghadapi penularan virus ini, nasihat oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah perlu kita sebagai rakyat jadikan pedoman apabila Seri Paduka Baginda mengingatkan rakyat agar berganding bahu dengan kerajaan dalam melaksanakan langkah pencegahan. "Rakyat juga adalah diminta untuk tidak menimbulkan suasana cemas menerusi penularan berita yang tidak benar," titah baginda pada istiadat pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di Istana Melawati, Putrajaya pada Sabtu lalu.

Titah Seri Paduka Baginda lagi untuk rakyat bersama-sama menyokong segala usaha yang sudah dan bakal diambil kerajaan dalam menangani wabak koronavirus ini kerana semua isu berkaitan kesejahteraan rakyat dan negara dapat ditangani jika rakyat dan kerajaan bekerjasama

ibarat pepatah Melayu lama berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Sebagai rakyat dan warganegara yang bertanggungjawab, kita perlu meletakkan sepenuh kepercayaan kepada kerajaan kerana negara kita bukanlah tergolong dalam negara yang mempunyai sistem kesihatan yang lemah dan tidak mampu menghadapi ancaman wabak ini. Ini dapat dibuktikan melalui Indeks Keselamatan Kesihatan Global (GHS) yang meletakkan Malaysia di kedudukan ketiga di Asia dalam mengendalikan wabak virus selepas Thailand dan Korea Selatan masing-masing di kedudukan pertama dan kedua.

Merujuk kepada indeks GHS ini juga, Malaysia dengan skor yang diterima iaitu 62.2 peratus (kategori lebih bersedia) berada di kedudukan 18 daripada 195 negara di peringkat global yang menyaksikan kita mengatasi Belgium, Portugal, Jepun, Ireland malah negara jiran Singapura dan Indonesia.

Indeks yang mengambil masa lebih dua tahun untuk dikeluarkan ini melibatkan lebih 100 penyelidik seluruh dunia yang diterajui Johns Hopkins Center yang berpangkalan di Amerika Syarikat untuk Keselamatan Kesihatan dan Inisiatif Ancaman Nuklear bersama-sama dengan Unit Perisikan Ekonomi. Laporan ini amat penting kerana ia menjadi petunjuk penting kepada pembuat dasar bagi menentukan keutamaan bagi memastikan keselamatan di negara masing-masing.

Pengiktirafan di peringkat antarabangsa ini perlu kita banggakan kerana ia atas keupayaan Malaysia untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas kepada wabak, dan juga sistem kesihatan menyeluruh, pematuhan norma antarabangsa dan pengurusan risiko. Justeru dalam menguruskan koronavirus baharu ini, kerisauan rakyat seperti kerajaan lambat bertindak, fasiliti kesihatan dan rawatan tidak lengkap atau tiada tenaga pakar dalam menghadapinya perlu dibuang jauh kerana ia sama sekali tidak berasas.

Petugas kesihatan sudah mempunyai kesiapsiagaan yang tinggi untuk mendepani koronavirus kerana ini bukanlah kali pertama wabak yang melanda dunia kita hadapi dan uruskan kes positif yang dikesan di dalam negara. Kita sudah punyai pengalaman antaranya pengurusan wabak virus Nipah pada 1999; sindrom pernafasan akut teruk (SARS) pada 2002; Influenza A(H1N1) pada 2009 dan sindrom pernafasan akut teruk Timur Tengah (Mers-Cov) pada 2014.

Sekadar contoh, misalnya selepas tiga kes awal positif koronavirus disahkan di negara ini, KKM terus mengaktifkan Pasukan Bertindak Cepat (RRT) dan Pasukan Penilaian Cepat (RAT) yang bertugas menjalankan aktiviti pengesanan di lapangan, dalam proses menambah 12 lagi mesin pengimbas suhu badan di pintu masuk negara, malah kerajaan baru-baru ini turut menggantung sementara semua kemudahan imigresen termasuk

tanpa visa kepada warga China dari Bandar Wuhan, Wilayah Hubei dan sekitarnya.

Kerajaan dan pasukan kesihatan sudah melaksanakan segala yang terdaya demi keselamatan kita, menjadi tanggungjawab kita pula untuk mematuhi langkah penjagaan kesihatan yang disyorkan oleh KKM serta tidak menyebarkan berita dan informasi tidak benar (palsu) mengenai 2019-nCoV!

>>Penulis Timbalan Pengarah Pusat Komunikasi Strategik USIM serta Exco Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAGMATIS) USIM.



dialog kotaraya oleh juragan



SIDANG PENGARANG



Pengarang Kumpulan Harian Metro Husain Jahit | Pengarang Eksekutif (Kandungan) Muhamad Safar Ahmad | Pengarang Eksekutif (Pengeluaran) Yusri Abdul Malek

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

Belum wajib pakai topeng muka

Ipoh: Kerajaan belum bercadang untuk mewajibkan pemakaian topeng muka di tempat awam seluruh negara susulan penularan wabak koronavirus baharu.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, ini kerana virus itu masih belum berada di dalam komuniti di negara ini.

“Untuk Malaysia, setakat ini koronavirus baharu masih belum dalam komuniti. Jadi kita masih tidak mencadangkan untuk pemakaian penutup muka bagi mereka yang sihat.

“Memang pandangan daripada pakar setakat ini,

tidak perlu untuk memakai penutup muka sekiranya sihat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Sambutan Tahun Baru Cina anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Perak, di sini, semalam.

Katanya, berikutan itu mereka yang tidak mempunyai simptom jangkitan, tidak semestinya perlu memakai topeng muka.

“Jangan lupa kita ada (kes) Influenza, jadi mereka yang ada penyakit ini apabila pergi ke tempat tumpuan ramai mungkin perlu perlindungan (memakai topeng muka) yang lebih.

“Jadi terpujang kepada mereka memakai penutup muka atau

tidak, ini khusus untuk influenza sedia ada bukan kerana koronavirus baharu,” katanya.

Katanya, tiada kes jangkitan koronavirus baharu di negara ini dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengeluarkan arahan jika keadaan sebaliknya berlaku.

“Kita masih tidak ada kes jangkitan dalam komuniti, jadi tidak perlu menyekat program awam.

“Paling penting kita perlu mendengar nasihat KKM dan kita akan membuat *adjustment* mengikut keadaan. Setakat ini kita berjaya untuk mengawal jangkitan itu... Jangan kita panik sangat,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL



Oleh Amir Abd Hamid
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 132 orang membabitkan 108 rakyat Malaysia dan 24 bukan warganegara sudah mendaftar dengan Kedutaan Malaysia di Beijing untuk dibawa pulang dari bandar Wuhan, China yang dilanda wabak coronavirus baharu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata, 24 bukan warganegara berkenaan adalah pasangan dan anak kepada rakyat negara ini.

Beliau berkata, mereka dibawa pulang hanyalah yang didapati sihat untuk menaiki pesawat selepas menjalani tapisan kesihatan ditetapkan oleh kerajaan China di Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe.

"Misi bantuan kemanusiaan membawa pulang rakyat Malaysia ini akan diselenggarakan lapan pegawai iaitu enam dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), seorang pegawai Agensi Pengurusan Bencana (Nadma) dan seorang pegawai Kementerian Luar.

"Pesawat AirAsia akan digunakan bagi misi ini dengan 12 kru. AirAsia sudah menetapkan tarikh penerbangan pada 3 Februari 2020 tertakluk kepada kelulusan kerajaan China.

"Penerbangan ini juga membawa bantuan keperluan seperti topeng, sarung tangan dan makanan yang tertakluk kepada senarai dipersetujui oleh pihak Kerajaan China," katanya.

Menurutnya, pagi semalam beliau bersama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah diberikan taklimat oleh Ketua Pengarah Nadma Datuk Mohtar Mohd Abd Rahman di Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur 2 mengenai misi berkenaan.

Dr Wan Azizah berkata, beliau sudah bertemu semua pegawai yang akan menyertai misi termasuk kru penerbangan untuk

'Berdoalah agar misi ini berjaya'

108 rakyat Malaysia, 24 bukan warganegara terkandas di Wuhan pulang hari ini



PASUKAN tentera China bersama pasukan perubatan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe untuk membantu melawan penularan wabak coronavirus baharu.

mengucapkan terima kasih kerajaan dan rakyat Malaysia khususnya keluarga yang terbabat atas pengorbanan mereka membantu membawa pulang rakyat Malaysia dari Wuhan.

"Saya juga menasihati supaya sentiasa menjaga kebajikan dan kesihatan mereka dan semua yang dibawa pulang.


"Saya turut mengambil kesempatan melawat Air Disaster Center (Adu) di mana di Adu, penumpang, pasukan misi dan kru akan menjalani tapisan kesihatan sekali lagi sebaik sahaja tiba ke tanah air.

"Mereka yang dikesan mempunyai simptom akan terus dibawa ke hospital manakala yang melepasi saringan akan dibawa terus menaiki bas ke pusat pemantauan untuk dipantau.

"Saya dapati persiapan dan kelengkapan perubatan sudah disediakan sebaik mungkin untuk tujuan pemeriksaan kesihatan

berkenaan," katanya. Menurut, beliau juga sudah meninjau Pusat Pemantauan termasuk keadaan bilik operasi, bilik penginapan dan kemudahan disediakan untuk kepulauan 158 penumpang termasuk enam pegawai Kedutaan Malaysia di Beijing yang akan menjalani pemantauan selama 14 hari. Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau berpuas hati dengan semua atur gerak dan persiapan dibuat untuk melaksanakan Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Malaysia ke China berikutan isu kluster penyakit coronavirus baharu itu.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak seperti KKM, AirAsia, Malaysia Airports Holdings Berhad, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Nadma dan agensi lain yang menguruskan misi ini. "Marilah kita rakyat



KAKITANGAN Kementerian Kesihatan Iraq memeriksa suhu penumpang di Lapangan Terbang Basra, Iraq.

Malaysia mendoakan misi ini berjalan lancar dan semua yang dibawa pulang dari Wuhan serta pasukan misi serta kru terbahit selamat," katanya.

Mengulas perkembangan terkini kejadian coronavirus baharu di Malaysia sehingga jam 12 tengah hari semalam,

beliau berkata, tiada pertambahan kes positif coronavirus baharu.

"Jumlah kumulatif kes positif coronavirus baharu yang dilaporkan kekal lapan kes, jumlah kumulatif kes Patient Under Investigation (PUI) jangkitan coronavirus baharu adalah seramai 183

orang dan 18 orang masih menunggu keputusan makmal.

"Kontak rapat kepada kes positif coronavirus baharu kekal seramai 32 orang," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Penularan coronavirus



Dr Wan Azizah diiringi Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dzulkefly Ahmad (tiga dari kiri) dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai misi membawa pulang rakyat Malaysia dari Wuhan ketika melawat Unit Kecemasan Udara di KLIA, Sepang, semalam.
(Foto Ihsan FB Noor Hisham Abdullah)

Hanya individu sihat dibenar pulang: TPM

Rakyat kita wajib jalani saringan kesihatan di China sebelum dibenar naiki pesawat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hanya rakyat Malaysia yang sihat dan kini berada di Wuhan, China akan dibenarkan menaiki pesawat untuk dibawa pulang ke tanah air hari ini, dan seterusnya menjalani kuarantin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata sebelum berlepas, mereka diwajibkan menjalani tapisan kesihatan ditetapkan kerajaan China di Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe.

Setakat ini, katanya, seramai 132 orang membabitkan 108 rakyat Malaysia dan 24 bukan warganegara sudah mendaftar dengan kedutaan Malaysia di sana untuk dibawa pulang dari Wuhan.

"Misi disertai lapan orang iaitu enam pegawai Kementerian Kesihatan (KKM), seorang pegawai Agensi Pengurusan Bencana (NADMA) dan seorang pegawai Kementerian Luar.

"Pesawat AirAsia akan digunakan bagi misi ini dengan 12 kru. AirAsia sudah menetapkan tarikh penerbangan esok (hari ini) tertakluk kepada kelulusan

Kerajaan China," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, penerbangan itu turut membawa bantuan keperluan seperti penutup mulut, sarung tangan dan makanan yang tertakluk kepada senarai diperseetujui Kerajaan China.

"Saya bertemu semua pegawai yang akan menyertai misi termasuk kru penerbangan untuk mengucapkan terima kasih tidak terhingga kerajaan dan rakyat Malaysia khususnya keluarga yang terbabit atas pengorbanan mereka membantu membawa pulang rakyat Malaysia dari Wuhan.

"Saya juga menasihati mereka menjaga kebajikan dan kesihatan serta semua yang dibawa pulang," katanya.

Sebaik tiba ke tanah air, Dr Wan Azizah berkata, mereka yang dikesan mempunyai simptom coronavirus (2019-nCoV) akan terus dibawa ke hospital, manakala yang melepasi saringan akan dibawa menaiki bas ke pusat pemantauan di Unit Kecemasan Udara (ADU) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Saya mendapati persiapan dan kelengkapan perubatan sudah disediakan sebaik mungkin untuk pemeriksaan kesihatan.

"Saya sudah ke pusat pemantauan di ADU untuk meninjau bilik operasi, bilik penginapan dan fasiliti lain disediakan untuk semua 158 orang (termasuk lapan pegawai misi, 12 kru penerbangan dan enam pegawai kedutaan Malaysia di Beijing) untuk menjalani pemantauan selama 14 hari," katanya.

Beliau berpuas hati dengan semua atur gerak dan persiapan dibuat serta berterima kasih kepada semua agensi terbabit khususnya KKM, AirAsia, Malaysia Airport Berhad (MAHB), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan NADMA.

"Marilah kita doakan misi ini berjalan lancar dan semua yang dibawa pulang dari Wuhan serta pasukan misi dan kru terbabit selamat," katanya.

Sementara itu, Dr Wan Azizah berkata, tiada pertambahan kes positif coronavirus direkodkan di negara ini, dengan jumlahnya kekal lapan setakat jam 12 tengah hari semalam.

Beliau berkata, jumlah kumulatif pengesanan kes disyaki (PUI) jangkitan coronavirus adalah 183 orang.

"Setakat ini, 18 orang masih menunggu keputusan makmal. Kontak rapat kepada kes positif coronavirus kekal 32 orang," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan melalui maklumat diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan perkembangan terkini mengenainya. Hubungi infoline Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Negara (CPRC) KKM di talian 03-8881 0200/ 600/700 atau di e-mel cprc@moh.gov.my untuk mendapatkan maklumat mengenai jangkitan coronavirus," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Pesakit koronavirus tidak akan menjadi zombi

KUALA LUMPUR - Kerajaan Malaysia menjelaskan koronavirus tidak akan menyebabkan mangsa yang dijangkiti berkelakuan seperti zombi sebagaimana yang didakwa dalam media sosial.

Menurut laporan agensi berita antarabangsa *AFP*, kenyataan tersebut dimaklumkan sebagai penjelasan kepada maklumat tidak tepat yang telah tersebar.

Laporan itu turut menyebut, Kementerian Kesihatan menafikan khabar angin di Twitter bahawa individu dijangkiti virus berkenaan berkelakuan seperti zombi sebaliknya menjelaskan mereka boleh sembuh.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia juga sebelum ini memaklumkan, polis telah menahan enam individu yang menyebarkan berita tidak benar mengenai virus tersebut.

Atlet berlatih di China sudah pulang, hanya Jun Hoong perlu lalui proses akhir

KUALA LUMPUR - Sekumpulan atlet negara yang sedang berlatih di China sudah mula pulang ke tanah air ekoran penularan wabak koronavirus yang semakin serius di negara itu.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang mengesahkan perkara itu berkata, hanya ratu terjun negara, Cheong Jun Hoong yang masih berada di sana dan akan menyusul pulang selepas melalui beberapa

piawai sebelum kembali ke negara ini.

"Kerajaan Malaysia telah ambil ketetapan untuk membantu atlet yang ingin pulang dan akan bantu secepat mungkin.

"Tapi bagi kes Jun Hoong, kita sedang muktamadkan. Arahkan panggil pulang sudahpun dikeluarkan dan dia juga telah dimaklumkan cuma perlu melibatkan proses akhir," katanya pada sidang media selepas majlis Lun-

cheon Talk sempena Program Malaysia Future Leaders School Tier 3 di sini semalam.

Syed Saddiq diminta mengulas perkembangan atlet negara yang sedang berlatih di China sama ada akan dipanggil pulang ke tanah air.

Dalam pada itu, Syed Saddiq berkata, pihaknya akan mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum menghantar atlet bertanding di Sukan

Para ASEAN yang berlangsung di Manila, Filipina pada Mac ini.

"Sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan, kita akan mendengar pandangan KKM terlebih dahulu. Kita sedang berurusan dengan mereka dan akan bertemu dengan KKM dalam tempoh terdekat ini.

"Selain KKM, KBS akan mendapatkan maklumat daripada Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Filipina (PHISGOC) bagi

mengetahui situasi sebenar di sana," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai penahanan Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), Datuk Abu Samah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini akan menjejaskan persiapan sukan itu ke Olimpik Tokyo 2020, Syed Saddiq yakin ia tidak memberi apa-apa kesan kepada atlet.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

SINAR HARIAN • ISNIN 3 FEBRUARI 2020

ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Pergerakan pulang rakyat Malaysia dari Wuhan, China

Misi membawa pulang rakyat Malaysia dan Wuhan, China dijangka dilaksanakan hari ini menggunakan pesawat AirAsia namun ia tertakluk kepada kelulusan kerajaan negara itu. Mereka akan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Setakat semalam, seramai 132 orang telah mendaftar dengan Kedutaan Malaysia Daripada jumlah itu, 108 merupakan rakyat Malaysia dan 24 bukan warganegara yang merupakan ahli keluarga

Mereka yang akan dibawa pulang hanyalah mereka yang didapati sihat untuk menaiki pesawat selepas menjalani tapisan kesihatan sekali lagi sebaik sahaja tiba di KLIA.

Semua penumpang, pasukan misi dan kru akan akan menjalani tapisan kesihatan sekali lagi sebaik sahaja tiba di KLIA.

Bagi mereka yang dikesan mempunyai simptom, akan terus dibawa ke Hospital Sungai Buloh atau Hospital Kuala Lumpur manakala yang melepasi saringan akan dibawa terus menaiki bas ke Pusat Pemantauan.

INFOGRAFIK: EPIC/SINARHARIAN

Belum wajibkan topeng muka



Dr Boon Chye ketika ditemui media pada Majlis Jamuan Tahun Baru Cina 2020 di Ipoh semalam.

Kerajaan tidak cadang wajibkan pakai topeng muka kerana akan cetuskan panik

Kita boleh buat kajian tapi biarlah munasabah. Bukan semua kajian dan pandangan orang ramai itu digunakan untuk menentukan dasar, mesti munasabah dan berasas."

-Dr Boon Chye

"Seharusnya kita dengar daripada pakar-pakar sama ada perlu pakai topeng muka atau tidak," katanya sebagai mengulas mengenai satu undian yang dibuat sebuah stesen televisyen mengenai pemakaian topeng muka.

Sementara itu, Dr Boon Chye mengingatkan orang ramai supaya terus memantau perkembangan dari masa ke masa mengenai virus tersebut daripada Kementerian Kesihatan.

Jangan sebar berita palsu koronavirus

KUANTAN - Orang ramai dinasihatkan supaya tidak menyebarkan berita palsu mengenai wabak koronavirus bagi mengelakkan rakyat negara ini panik.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh berkata, tindakan sedemikian juga boleh mengundang ketakutan sedangkan tiada rakyat Malaysia yang dijangkiti koronavirus.

Menurutnya, orang ramai perlu mendapatkan laporan sahih daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dan pihak berkuasa berhubung penularan koronavirus sebelum disebarkan kepada umum.

"Setakat ini, hanya lapan orang dijangkiti koronavirus dan kesemuanya adalah warganegara China.

"Kerajaan juga sedang memastikan gejala ini tidak terus merebak. Jadi saya

nasihatkan jangan terus-menerus sebar berita palsu dan menakutkan orang ramai kerana situasi masih terkawal," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis Sambutan Tahun Baru Cina anjuran Jawatankuasa Gabungan Persatuan-Persatuan Tionghua Kuantan di sini semalam.

Majlis dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Manis, Datuk Khairuddin Mahmod yang mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Sementara itu, Fuziah mengukui ekonomi negara akan terjejas terutamanya industri pelancongan disebabkan penularan koronavirus itu.

"Oleh itu, semua pihak harus bersatu padu dalam mengatasi perkara ini dengan menghentikan penyebaran berita yang tidak benar," katanya.



Fuziah (tiga dari kiri) melakukan simbolik perasmian majlis Sambutan Tahun Baru Cina anjuran Jawatankuasa Gabungan Persatuan-Persatuan Tionghua Kuantan di Kuantan semalam.

IPOH

Kerajaan belum bercadang mewajibkan pemakaian topeng muka bagi mengelak jangkitan koronavirus di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, langkah-langkah pengawalan dan pencegahan bagi mengelak daripada virus tersebut merebak ke dalam komuniti dilakukan dengan baik.

Menurutnya, sebarang pemakaian topeng muka setakat ini adalah pilihan sendiri dan kerajaan tidak menghalang sebarang penggunaannya.

"Untuk sementara waktu, kita tidak cadangkan wajib pakai topeng muka kerana ia akan cetuskan panik. Kita masih berjaya kawal masuk dalam komuniti. Jadi jangan panik sangat.

"Di Malaysia, setakat ini kita masih tidak ada komuniti *transmission* virus, jadi tak perlu sekat dari segi penganjuran program awam," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Jamuan Tahun Baru Cina 2020 anjuran Dewan Perhimpunan Cina Perak di sini semalam.

Dalam pada itu, Dr Boon Chye menegaskan, sebarang kajian awam yang dijalankan pihak tertentu mengenai pemakaian topeng muka tidak boleh dijadikan dasar kerajaan.

Menurutnya, dalam soal berkaitan kesihatan, pandangan daripada pakar-pakar perlu menjadi rujukan sebelum sesuatu dasar diputuskan.

"Kita boleh buat kajian tapi biarlah munasabah. Bukan semua kajian dan pandangan orang ramai itu digunakan untuk menentukan dasar, mesti munasabah dan berasas.

EK ELEH

Teo Nie Ching kata akan **BINCANG LEBIH LANJUT DENGAN PNI ISU PPSMI**

Bincang dulu sebelum buat **JANGAN BINCANG SELEPAS BUATI**

EX: ELIEN/PAK HAWA | ILLUSTRASI: DUDY/PAZ/PERKATA/UM

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : ANCAMAN KORONAVIRUS DI CHINA

Misi bawa pulang rakyat hari ini

Melibatkan seramai 132 orang dari Wuhan, China dengan menaiki pesawat AirAsia

KLANG



Foto: ZAHID IZZANI

Dr Wan Azizah merasmikan glimik majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina di Klang semalam.

"Saya mendapati persiapan dan kelengkapan perubatan telah disediakan sebaik mungkin bagi tujuan pemeriksaan kesihatan tersebut."

- Dr Wan Azizah

semua atur gerak dan persiapan yang dibuat untuk melaksanakan misi ini.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya pihak Kementerian Kesihatan, AirAsia, Malaysia Airport, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigrasi Malaysia, Nadma dan agensi-agensi lain yang menguruskan misi ini.

"Marilah kita rakyat Malaysia mendoakan misi ini berjalan lancar dan semua yang dibawa pulang dari Wuhan serta pasukan misi dan kru terlibat selamat," katanya.

Beliau turut memaklumkan tiada pertambahan kes positif coronavirus di Malaysia setakat jam 12 tengah hari semalam.

"Jumlah kumulatif kes positif coronavirus yang dilaporkan kekal lapan kes.

"Jumlah kumulatif kes pesakit di bawah pemantauan (PUI) jangkitan coronavirus ialah seramai 183 orang dan 18 orang masih menunggu keputusan makmal. Kontak rapat (*close contacts*) kepada kes positif virus ini kekal seramai 32 orang," katanya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail memaklumkan misi bantuan kemanusiaan membawa pulang rakyat Malaysia dari China susulan penularan wabak coronavirus akan berlepas hari ini.

Menurutnya, seramai 132 orang akan dibawa pulang yang terdiri daripada 108 orang rakyat Malaysia dan 24 orang bukan warganegara yang merupakan pasangan serta anak yang mendaftar dengan Kedutaan Malaysia untuk dibawa pulang dari Wuhan.

"Mereka yang akan dibawa pulang hanyalah mereka yang didapati sihat untuk menaiki pesawat selepas menjalani tapisan kesihatan (*exit screening*) yang ditetapkan oleh pemerintah China di Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe.

"Pesawat AirAsia akan digunakan bagi misi ini dengan melibatkan 12 kru. AirAsia telah menetapkan tarikh penerbangan pada 3 Februari 2020 tertakluk kepada kelulusan pemerintah China.

"Penerbangan ini juga akan membawa bantuan keperluan seperti penutup muka, sarung tangan serta makanan yang tertakluk kepada senarai dipersetujui oleh pemerintah China," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina di sini semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat berkata, misi tersebut akan disertai lapan orang terdiri daripada enam pegawai daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana (Nadma) dan Kementerian Luar Negeri.

"Saya telah bertemu dengan semua pegawai yang akan menyertai misi termasuk kru penerbangan untuk mengucapkan terima kasih tidak terhingga kerajaan dan rakyat Malaysia khususnya keluarga yang terlibat atas pengorbanan mereka membantu membawa pulang rakyat Malaysia dari Wuhan.

"Saya juga menasihati mereka agar menjaga kebajikan dan kesihatan dan semua yang dibawa pulang," katanya.

Mengulas lanjut, Wan Azizah berkata, beliau pada sebelah pagi semalam berkesempatan melawat Air

Disaster Center (ADU) di mana semua penumpang, pasukan misi dan kru akan menjalani tapisan kesihatan sekali lagi sebaik sahaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Bagi mereka yang dikesan mempunyai simptom akan terus dibawa ke hospital manakala yang melepasi saringan akan dibawa terus menaiki bas ke pusat pemantauan.

"Saya mendapati persiapan dan kelengkapan perubatan telah disediakan sebaik mungkin bagi tujuan pemeriksaan kesihatan tersebut," katanya.

Menurutnya, beliau turut ke pusat pemantauan untuk meninjau bilik operasi, bilik penginapan dan kemudahan lain yang disediakan untuk semua 158 penumpang bagi menjalani pemantauan selama 14 hari.

"Umumnya saya berpuas hati dengan

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

No need to be alarmed about H5N1: Ministries

► Authorities conduct regular inspections of imported poultry after bird flu outbreak in China

■ BY **ELLY FAZANIZA**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry urges the public not to panic after the reported outbreak of a highly pathogenic strain of bird flu - H5N1 - in the Chinese province of Hunan.

Its deputy minister, Sim Tze

Tzin, said yesterday the situation is under control and the ministry, through the Malaysian Quarantine and Inspection Services, has begun conducting regular inspections of poultry from China at all Malaysian entry points as a precaution.

"There is no need to panic.

"In terms of poultry, we are 103% self-sustainable.

"We only import a small portion of processed chicken from China."

Moreover, Sim said, Malaysia imports poultry from Shantong province, not Hunan.

The Department of Veterinary Services has been instructed to take samples of processed chicken imported into Malaysia.

Deputy Health Minister Lee Boon Chye said H5N1 is an influenza virus and "it occasionally transmits from infected bird to human".

"To date, there is no human to human transmission of H5N1.

"Therefore, prime focus should be on preventing the

infection from affecting our poultry livestock."

No human vaccine or specific medications are available.

"There are, however, several vaccines for animal use," Lee said.

"H5N1 is not a public health issue in Malaysia but poultry farmers are still asked to take preventive measures as advised by the Ministry of Agriculture."

According to reports, a case of H5N1 was reported yesterday at a farm with 7,850 chickens in Hunan.

Following this, local authorities culled 17,828 poultry to contain the virus.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : FRONT PAGE

Asean+
The Philippines
detects first African
swine fever outbreak
in southern province.
>19

The Star

people's paper

WORLD
**DIGITAL
MEDIA**
AWARDS
World Digital Media Award
Best Branded Content Proj
#StandTogether
By RAGE, Star Media Grou
in collaboration with SP Set

MONDAY 3 FEBRUARY 2020 PP1641/09/2018 (031549) (No. 22059) RM1.60 1300-88-7327 (Customer Service)

Return in progress

Malaysians stranded in Wuhan, the epicentre of the coronavirus outbreak, could return home at the soonest today. Putrajaya is ready to evacuate 132 people - 108 citizens and 24 foreigners related to them - under strict supervision. >2



First line of defence:
Officials in full protective gear disinfecting Indonesian students as they disembark at the Hang Nadim International Airport in Batam following their evacuation from Wuhan.
- AFP

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

'There is no reason to panic'

Lee: Those without flu-like symptoms need not wear masks

IPOH: The public should not start panicking by wearing masks as there is no case of human to human transmission of the novel coronavirus in the country, says Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye.

Those without flu-like symptoms, cough or fever need not wear masks, he said.

"However, those with such symptoms must wear the masks to prevent infecting others, as it is also the influenza season.

"What is more important is to keep washing your hands properly using soap because even wearing a mask is not effective as a form of protection," he told reporters after attending a Chinese New Year event here yesterday.

Dr Lee said that if a mask is not worn properly, there is also a risk of getting flu-like symptoms.

Citing an example, he said if a person has flu symptoms and the hands are not washed properly, using the same hands to wear a mask could cause infection as well.

"If we start telling people to wear masks, then the next panic question will be 'should schools, cinemas, shopping malls and gatherings be closed or cancelled?'," he said.

Dr Lee said that for now, the government wants to prevent the virus from spreading within the community.

In JOHOR BARU, State Unity, Domestic Trade and Consumerism Committee chairman Dr S. Ramakrishnan urged the public to file a report with the ministry if they found any unreasonable increase in prices of face masks and hand sanitisers.

"We have yet to receive any complaint of such a price hike. The public should notify the authorities if they come across such a case," he said.

He noted that many shops had run out of the items due to concerns over the coronavirus.

"Face masks and hand sanitisers



Safety first: A trader who only wants to be known as Wee showing face masks sold at his outlet near the Terminal One bus station in Seremban. — Bernama

are not controlled items, so we cannot stop the public from buying in bulk.

"This include Singaporeans and Chinese nationals who reportedly have been making huge purchases of these items here," he added.

He advised the public not to panic and refrain from stocking up on face masks and hand sanitisers.

"I hope that the public would only buy enough for their personal and family use, instead of buying in boxes to stock up," he said.

In KOTA KINABALU, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's Sabah director Georgie Abas

said face masks are available here, depending on the area.

"We found stocks in most of the shops and pharmacies where my officers went to check on Saturday," he said.

These places are generally the non-tourist areas, he said.

However, Abas acknowledged that the supply at popular areas was low.

He reminded traders to not raise prices of face masks.

He advised consumers to report to the ministry if they knew of any shop that increased the price of face masks.

“What is more important is to keep washing your hands properly using soap because even wearing a mask is not effective as a form of protection.”

Dr Lee Boon Chye